



PERBADANAN KEMAJUAN NEGERI KEDAH

KENYATAAN TENDER

Tawaran adalah dipelawa kepada Kontraktor – Kontraktor BUMIPUTERA yang berdaftar dengan **LEMBAGA PEMBANGUNAN INDUSTRI PEMBINAAN MALAYSIA (LPIPM) (CIDB)** dalam gred, kategori, pengkhususan yang ditetapkan, mempunyai Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PPK), Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK) dan Sijil Taraf Bumiputera (STB) yang masih sah serta masih dibenarkan membuat tawaran buat masa ini bagi kerja:-

BIL	TAJUK TENDER	TARAF/ KELAS/ PENDAFTARAN/ SYARAT TAMBAHAN	TAKLIMAT & LAWATAN TAPAK (DIWAJIBKAN)	TARIKH, TEMPAT, MASA & HARGA DOKUMEN DIJUAL	TARIKH DAN MASA TAWARAN DITUTUP
1.	NO.RUJ TENDER PKNK/TD/TEK/01/2026 CADANGAN PEMBANGUNAN ZON INDUSTRI FASA 5 KULIM HI TECH PARK BESERTA KERJA-KERJA INFRASTRUKTUR BERKAITAN DI ATAS LOT 12744, 95, 96, 97 DAN SEBAHAGIAN LOT 3569 BANDAR KULIM DAN 2204, 60252 BANDAR LUNAS, DAERAH KULIM, KEDAH DARUL AMAN – PAKEJ 1	Berdaftar dengan LPIPM (CIDB) bertaraf Bumiputera/ T1* Gred: G7 Pengkhususan : i) CE-CE21- Pembinaan Kejuruteraan Awam; dan ii) CE-CE36- Kerja-kerja Tanah	TARIKH: 19/5/2026 (SELASA) MASA : 11.00 PAGI TEMPAT: Bilik Alamanda, Tingkat Bawah, KHTP Business Centre, Kulim Hi-Tech Park, Kulim, Kedah	TARIKH: 19/5/2026 (SELASA) HINGGA 9/6/2026 (SELASA) *Jualan bermula pada 19/5/2026 Selepas Sesi taklimat dan Lawatan Tapak selesai TEMPAT: UNIT PEROLEHAN, TINGKAT 10, WISMA PKNK, JALAN SULTAN BADLISHAH, 05000, ALOR SETAR MASA: 8.30PG- 4.30PTG (AHAD-RABU) 8.30PG – 3.00PTG (KHAMIS) HARGA: RM150.00/ PENDRIVE	TARIKH: 16/6/2026 (SELASA) MASA: 12.00 TENGAH HARI



1. **PENDAFTARAN KONTRAKTOR PKNK.** Kontraktor yang ingin menyertai Tender ini, perlu membuat Pendaftaran sebagai Kontraktor Perbadanan Kemajuan Negeri Kedah (PKNK) di <https://i-spektra.pknk.gov.my/>
2. **TAKLIMAT DAN LAWATAN TAPAK DIWAJIBKAN.** Penama di dalam Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PPK) CIDB, Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK) CIDB dan Sijil Taraf Bumiputera (STB) daripada Pusat Khidmat Kontraktor (PKK)/PUKONSA/UPKJ adalah **diwajibkan** menghadiri taklimat dan lawatan tapak. Sila bawa bersama **cop syarikat**, sijil pendaftaran **ASAL PPK**, SPKK dan STB/ PUKONSA/UPKJ yang masih sah laku serta **satu salinan beserta meteri (Cop) Syarikat**. Kontraktor yang gagal untuk mengemukakan dokumen-dokumen yang dikehendaki tidak akan dibenarkan untuk menyertai lawatan tapak. Segala kos dan perbelanjaan bagi tujuan lawatan tapak ini adalah di bawah tanggungan syarikat sepenuhnya.
3. **KEBENARAN KHAS.** Kontraktor **TIDAK DIBENARKAN** untuk memohon kebenaran khas bagi kategori dan pengkhususan bidang daripada CIDB atau PUKONSA atau UPKJ
4. **PEMBELIAN DOKUMEN TENDER.** Pembelian Dokumen Tender boleh dibuat pada tarikh, waktu dan tempat seperti yang dinyatakan di atas dengan **mengemukakan slip kehadiran lawatan tapak, resit bayaran pembelian dokumen tender dan Sijil Pematuhan Cukai (Tax Compliance Certificate-TCC)**. Kontraktor juga boleh mewakili pembelian dokumen kepada wakil kontraktor dengan mengemukakan **Surat Perwakilan Kuasa daripada pemilik/penama lesen SPKK syarikat**.
5. Bayaran bagi pembelian dokumen tender ini boleh dibuat menerusi kaedah **Online Transfer : MAYBANK – 552022017549** atas nama PERBADANAN KEMAJUAN NEGERI KEDAH atau secara atas talian menerusi **JOMPAY (Biller Code : 63669 - PBDN KEMAJUAN NEGERI KEDAH)**.
6. Dokumen tender yang telah lengkap diisi hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat berlakri dan dimasukkan ke **PETI TENDER DI UNIT PEROLEHAN, TINGKAT 10, WISMA PKNK, ALOR SETAR** seperti tarikh dan masa dinyatakan. Tajuk serta no. rujukan tender hendaklah ditulis dengan terang dan jelas di bahagian atas sebelah kiri sampul tersebut.
7. Dokumen tender tidak akan dijual selepas tamat tempoh masa jualan seperti yang telah dinyatakan dan dokumen yang dihantar selepas jam 12.00 tengah hari pada tarikh tutup tidak akan dipertimbangkan.

NOTIS SEBUT HARGA JUGA BOLEH DILAYARI DI LAMAN WEB:

<https://www.pknk.gov.my> @ Facebook Rasmi : Perbadanan Kemajuan Negeri Kedah

Sebarang pertanyaan boleh diajukan kepada Unit Perolehan, PKNK - 04-7297024 pada waktu bekerja sahaja

*Jenis Pendaftaran

T1- Syarikat yang 100% milik tempatan

T2- Syarikat yang 100% milik tempatan ATAU syarikat tempatan yang disenaraikan di BSKL dan mempunyai pegangan ekuiti asing tidak melebihi 30% dan ahli Lembaga Pengarah, Pengurusan dan pekerja adalah 100% warganegara.

T3- Syarikat 100% milik tempatan ATAU syarikat tempatan yang disenaraikan di BSKL ATAU Syarikat Usahasama yang diperbadankan di Malaysia yang mempunyai ekuiti asing tidak melebihi 49% dan majoriti ahli Lembaga Pengarah, Pengurusan dan pekerja adalah warganegara.



TD/TEK/01/2026 MS-2/2